

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]

TARIKH : 19.3.2015

SOALAN :

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah ukuran dan nilaiian yang digunakan oleh pihak Kementerian untuk memastikan sesebuah sekolah itu dapat digunakan khususnya selepas banjir besar yang melanda negeri Kelantan baru-baru ini, dan berapakah jumlah sebenar sekolah yang ditanggungkan sesi persekolahan pasca banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ukuran dan nilaiian yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk sesebuah sekolah itu dapat digunakan selepas banjir ialah keadaan sekolah tersebut bersedia untuk menerima kehadiran murid, guru dan warga sekolah. Keadaan bersedia dimaksudkan adalah daripada semua segi seperti berikut:

1. Bilik darjah yang selamat digunakan.
2. Jalan ke sekolah boleh dilalui dengan mudah. Sekiranya terpaksa menggunakan perahu atau bot, jaket keselamatan dibekalkan kepada murid/pengusaha.
3. Laluan masuk ke bangunan atau ke bilik darjah selamat.

4. Mempunyai tandas atau bilik air yang berfungsi.
5. Bagi kegiatan di luar bilik darjah, keadaan persekitan bebas dari sebarang ancaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sekolah yang ditangguhkan sesi persekolahan pasca banjir sehingga 13 Februari 2015 ialah sebanyak 101 buah sebuah sekolah. Bilangan sekolah ditutup mengikut negeri adalah sebanyak lapan (8) buah sekolah di Kelantan, 19 buah sekolah di Pahang, 18 buah sekolah di Perak, 45 buah sekolah di Sarawak dan 11 buah sekolah di Sabah.

RJM43